



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/07/99 (HQ)

SOUTHERN POWER GENERATION RANGKUL ANUGERAH STESEN JANAKUASA TERBAIK

Southern Power Generation (SPG) dinobatkan sebagai Stesen Janakuasa Terbaik 2021 oleh POWER Magazine, satu penerbitan dari Amerika Syarikat yang mengkhususkan kepada berita perundangan dan kawal selia serta maklumat operasi dan penyelenggaraan berkaitan industri penjaan tenaga.

SPG adalah stesen janakuasa pertama yang menggunakan turbin gas General Electric (GE) 9HA.02 secara komersial. Turbin itu adalah model terbaharu yang paling efisien keluaran GE yang menampilkan integrasi teknologi serta menjadi contoh kepada keseimbangan terhadap pemeliharaan alam sekitar, kemampuan dan daya harap sistem tenaga di Malaysia.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Datuk Nor Azman Mufti berkata anugerah itu melambangkan satu lagi pengiktirafan terhadap kejayaan TNB menyempurnakan projek besar dengan menggunakan teknologi terkini bagi memenuhi keperluan tenaga negara.

"TNB sentiasa memilih untuk menggunakan teknologi terkini dalam projek janakuasa kami bagi menyampaikan tenaga elektrik yang selamat, berdaya harap dan mampan kepada pelanggan.

"Bagi SPG, kejayaan ini diperolehi menerusi kerjasama dan sokongan semua pemegang taruh termasuk badan kawal selia, pihak berkuasa, rakan usaha sama projek, pembiaya dan kontraktor."

SPG yang mengendalikan dua loji janakuasa 720MW setiap satu, terletak di Pasir Gudang, Johor dan menjadi elemen penting terhadap pengukuhan kestabilan bekalan elektrik Semenanjung Malaysia. Dengan menggunakan gas asli sebagai bahan api utama, turbin kitaran gabungan 9HA.02 mampu menjana elektrik dengan kadar kecekapan melebihi 60%.

Dengan menggunakan teknologi terkini yang paling efisien, ia membolehkan TNB untuk mengurangkan tahap pelepasan yang dibebaskan loji janakuasa konvensional. Ia juga adalah bukti komitmen TNB terhadap masa depan tenaga yang mampan serta menyeimbangkan keperluan untuk menyalurkan bekalan tenaga yang berdaya harap.

Operasi dan penyelenggaraan kedua-dua loji diuruskan REMACO, anak syarikat TNB Genco. TNB Genco adalah anak syarikat milik penuh TNB yang membangunkan, mengendalikan dan menyelenggara portfolio janakuasa TNB.

TNB dan TNB Genco memiliki pegangan ekuiti sebanyak 70 peratus dalam SPG manakala SIPP Energy Sdn. Bhd. memiliki baki 30 peratus. SPG membekalkan tenaga kepada TNB menerusi Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) selama 21 tahun.

Editor Kanan Bersekutu POWER, Sonal Patel dalam artikel tulisannya memuji SPG yang berjaya “mencapai satu kemajuan dalam teknologi turbin gas dan menyatukannya dalam satu sistem canggih yang mampu menangani cabaran perubahan tenaga masa kini dan masa hadapan yang semakin pesat.”

“Loji itu memastikan kestabilan bekalan tenaga di kawasan yang berkembang pesat itu, dan pada masa yang sama ia memenuhi aspek kemampuan mengikut acuan yang ditentukan kerajaan bagi mengurangkan kesan perubahan iklim.

Unit 1 SPG berjaya mencapai tarikh operasi komersialnya pada 1 Januari 2021 manakala Unit 2 pada 19 Februari 2021. Kedua-dua loji itu menghasilkan 1,440MW tenaga bagi meningkatkan kapasiti elektrik negara kepada 26,552.42MW.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Julai 2021, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



SPG adalah stesen janakuasa pertama yang menggunakan turbin gas General Electric (GE) 9HA.02 secara komersial. Turbin itu adalah model terbaharu yang paling efisien.



Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Datuk Nor Azman Mufti